



# مِذَاكَرَةُ سُلْطَانِ نَزِيرٍ مَعْرِ الدِّينِ شَيْخَاةً

إظهار مكانة الأمة الإسلامية تاريخاً وهدفاً، وأملاً

أ.د. علي محيي الدين القره دغي

الأمين العام للاتحاد العالمي لعلماء المسلمين

أستاذ الشريعة والاقتصاد الإسلامي - جامعة قطر

24 فيبرواري 2020

كاسوارينا @ ميرو، بندر ميرو راي، ايشوه، فيراق.

انجورن كراجائن نكري فيراق دارالرضوان

**Menjulung Kemuliaan Umat : Sejarah, Wawasan Dan Harapan**  
**Professor Dr. Ali Mahyuddin al-Qarah Daghi**  
**Terjemahan : S.F Ustaz Fauwaz Fadzil Noor**

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Baginda Nabi SAW, ahli keluarga dan para sahabat.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, semoga Allah memelihara Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan membantu perjalanan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Hadirin hadirat sekalian,

Sangat menggembirakan saya untuk menyampaikan ucapan dan ceramah di hadapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang dimuliakan dan di hadapan hadirin dan hadirat sekalian di bumi yang tercinta Perak Darul Ridzuan dan di dalam Negara Malaysia ini sambil berdoa kepada Allah SWT agar menambakan taufiq dan jalan yang lurus, menjaga negeri ini daripada segala fitnah dan mengurniakan negeri dan negara ini kemajuan dan model kepada semua bidang.

Sesungguhnya, telah tersebar Islam dalam tempoh yang singkat dan Ia sampai ke pulusuk alam. Di zaman kita sekarang ini Islam telah sampai keseluruhan alam sehinggakan azan dilaungkan di dalam alam ini selama 24 jam secara berterusan. Islam akan terus tersebar lebih banyak dengan membenarkan firman Allah SWT di dalam surah di al Fath ayat 28.

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ  
شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

yang bermaksud “ (“Allah yang menyatakan itu) Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad, s.a.w) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala bawaaan agama yang lain; dan cukuplah Allah menjadi Saksi (tentang kebenaran apa yang dibawa oleh RasulNya itu)”

Begitu juga dengan melaksanakan apa yang diberitakan oleh Baginda Nabi SAW di dalam sabdanya yang bermaksud “ Islam akan sampai ke pelusuk dunia seperti mana sampainya siang dan malam” .

Markaz BEO telah meramalkan berdasarkan kajian mereka bahawa Islam akan menjadi agama yang pertama dan paling tersebar di dunia ini pada tahun 2070. Islam bukanlah semata mata agama yang tersebar. Sebaliknya Ia adalah agama yang menghimpunkan akidah, Syariah dan manhaj kehidupan. Islam telah merealisasikan tamadun yang besar dan kemajuan di dalam pelbagai bidang ilmu dan kajian, kesenian, dan pensyariaan. Islam kehadiran di dalam banyak perkara daripada penciptaan bidang perubatan, kimia, ilmu akal, ilmu pembuatan, falak dan sebagainya. Manhaj Barat turut mengambil panduan dan faedah daripada manhaj yang telah dibina Islam lalu membina tamadun maddiah (kebendaan) mereka berdasarkan manhaj yang dibina oleh Islam.

Dan pada pandanganku, antara sebab-sebab penyebaran Islam, dan keberhasilannya kepada tamadun yang besar itu kembali kepada perkara-perkara berikut:

**Sebab pertama:** Jawapannya kepada kepelbagaian persoalan-persoalan besar yang berlegar sekitar permulaan dan kesudahan, tujuan serta bekalan Islam itu sendiri dengan jawapan-jawapan yang lengkap berkenaan alam ghaib (metafizik) dan Islam menjelaskan kepada kita permulaan sesuatu ciptaan daripada asap (gas) kemudian air, kemudian kepada pecahan yang agung seperti mana Allah SWT berfirman:

ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ائْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَا أَتَيْنَا طَائِعِينَ ﴿١١﴾

(Surah Fussilat : ayat 11)

Bermaksud: " Kemudian Ia menunjukkan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap; lalu Ia berfirman kepadanya dan kepada bumi: "Turutlah kamu berdua akan perintahKu, sama ada dengan sukarela atau dengan paksa!" Keduanya menjawab: "Kami berdua sedia menurut - patuh dengan sukarela".

Dan Allah SWT juga berfirman :

أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَنَقَّهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

(Surah al-Anbiya': ayat 30)

Bermaksud: *"Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?"*

Ilmu sains telah pun mencapai ketiga-tiga peringkat ini pada zaman moden ini dan dalam pada itu, terdapat mukjizat yang agung daripada al-Quran al-Karim. Allah SWT juga menjelaskan permulaan seseorang manusia bahawasanya mereka daripada Adam dan Adam daripada tanah kemudian, pengakhirannya kepada kematian seterusnya hari kebangkitan serta syurga atau neraka. Dan sesungguhnya tujuan daripadanya adalah merealisasikan perhambaan kepada Allah SWT dan merealisasikan pengimarahannya dan khilafah.

Dengan penjelasan yang jelas ini menunjukkan Islam merehatkan akal orang muslim daripada tenggelam dalam alam ghaib yang sering terdapat keraguan padanya seperti mana terdapat keraguan pada idea-idea falsafah Greek, Yunani dan Rom.

Oleh yang demikian, Islam mengarahkan akal seseorang muslim kepada alam materialistik untuk merealisasikan pengimarahannya, tamadun dan pembaharuan.

**Sebab kedua:** Pengumpulan antara wahyu yang benar dan akal yang lurus. Oleh itu, gabungan dan pembahagian antara peranan wahyu dan akal sangat banyak membantu kepada merealisasikan tamadun dan kebahagiaan kepada manusia.

Umum mengetahui bahawa sekalian agama atau falsafah kemanusiaan sering mengabaikan akal ataupun naqal. Satu -satunya tamadun yang berdiri atas wahyu dan akal yang bersinar dengan sinar wahyu ialah tamadun Islam. Bahkan kami tidak mendapati satu agama pun seperti Islam yang memberikan keutamaan kepada akal dan keperluan-keperluannya yang terdiri daripada ilmu, tadabbur, melihat dan selainnya sehingga ayat-ayat yang berkaitan dengannya sampai lebih daripada 1000 ayat dan contohnya terdapat dalam sunnah Nabi SAW yang mulia.

**Sebab ketiga:** Tertegaknya agama ini atas fitrah yang sejahtera yang selari dengan akal yang lurus bahkan dengan akal dapat mengetahui kewujudan fitrah tersebut. Firman Allah SWT:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ  
 اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

(Surah al-Rum:30)

Bermaksud: " (Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

Begitu dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud :

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يَهُودَانِهِ أَوْ مَجْسَانِهِ أَوْ نَصْرَانِهِ

"Setiap anak yang lahir dilahirkan di atas fitrah. Kedua orang tuanyalah yang menjadikannya Yahudi, Majusi, atau Nasrani."

Oleh yang demikian, Allah SWT mendahulukan agama ini iaitu agama Islam dan mendahulukan Nabi Muhammad SAW ke atas umat-umat yang lain berdasarkan keserasian agama ini dengan fitrah. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي  
 التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ  
 لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي  
 كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ  
 مَعَهُ أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

(Surah al-A'raf:157)

Bermaksud " Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur

(cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya”

Sesungguhnya Allah SWT mempersembahkan NabiNya kepada umat umat lain bahawa Baginda SAW ini menyeru kepada kebaikan yang diterima oleh fitrah yang sejahtera dan akal yang lurus, Allah tidak menyatakan Baginda memerintahkan dengan apa yang diarahkan oleh Allah walaupun ia adalah benar kerana Allah ingin menerangkan keserasian di antara apa yang diperintahkan oleh Allah dan apa yang diperintahkan oleh fitrah dan akal. Begitu juga dengan ayat yang menyatakan bahawa Baginda SAW mencegah kemungkaran yang bermaksud mencegah apa yang ditolak oleh fitrah yang sejahtera dan akal yang lurus. Bahkan Allah SWT telah meletakkan mizan-mizan fitrah dan akal untuk mengenal halal dan haram, firman Allah SWT:

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ

(Surah al-A'raf:157)

Bermaksud : “dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk”

Maka mizan halal ini adalah berdiri di atas sesuatu yang baik, bermanfaat dan elok. Mizan haram berdiri di atas sesuatu yang kotor, memudaratkan dan rosak.

**Sebab keempat:** Islam berdiri di atas perdamaian dan sesiapa sahaja yang menerima perdamaian ia akan jauh daripada pertembungan dan pelanggaran melainkan ke atas mereka yang melampau dan menyerang. Nabi SAW membataskan semua usaha di dalam arena dakwah kepada Allah SWT dengan hikmah dan nasihat yang baik, perdebatan dan dialog yang terbaik. Islam tidak memerangi melainkan kepada mereka yang memerangi atau cuba menyerang atau ingin memusnahkan agama yang dibawa Baginda SAW. Islam berjalan di atas asas-asas yang disebutkan untuk perdamaian dan berdialog:

1: Asas ukhuwah kemanusiaan yang menyeluruh, firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

(Surah al-Nisa':1)

Bermaksud : "Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu" .

Di dalam hadis Nabi SAW bersabda :

" Manusia semua daripada anak Adam dan Adam daripada tanah. Nabi Muhammad telah mengaplikasikan kaedah ini melalui sohafah Madinah yang merupakan perlembagaan pertama yang menjaga hak kerakyatan di mana ia mempunyai 52 seksyen, 27 daripada 52 itu menerangkan tentang hak-hak yahudi dan sebagainya."

2: Asas kalimah yang sama nisbah kepada golongan ahli kitab, firman Allah SWT :

قُلْ يٰٓاَهْلَ الْكِتٰبِ تَعٰلَوْٓا۟ اِلٰى كَلِمَةٍ سَوَآءٍ بَيْنِنَا وَبَيْنَكُمْۙ اَلَّا نَعْبُدَ اِلَّا اللّٰهَ وَلَا نَشْرِكَ بِهٖ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا اَرْبَابًا مِّنْ دُوْنِ اللّٰهِ فَاِنْ تَوَلَّوْا۟ فَقَوْلُوْا۟  
اَشْهَدُوْا۟ بِاَنَّا مُسْلِمُوْنَ

(Surah Ali Imran:64)

Bermaksud : "Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam".

3: Asas kepada tidak ada pertembungan, menghormati kesemua Nabi, kitab-kitab terdahulu bahkan beriman dengan kitab-kitab terdahulu, bahkan Islam memuji Taurah dan Injil dan menyifatkan kedua-duanya terdapat petunjuk, rahmah dan nasihat yang baik.

4: Asas kepada menyeru golongan musyrikin dan golongan atheis atas dasar mencari hakikat dengan cara yang terbaik, tenang dan mempunyai visi yang baik. Firman Allah:

وَإِنَّا أَوْ إِيَّاكُمْ لَعَلَىٰ هُدًى أَوْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٣٤﴾

Bermaksud : "dan sesungguhnya (tiap-tiap satu golongan), sama ada golongan kami ahli tauhid atau golongan kamu ahli syirik - (tidak sunyi daripada salah satu dari dua keadaan): keadaan tetapnya di atas hidayah petunjuk atau tenggelamnya dalam kesesatan yang jelas nyata " .

Dan ayat selepasnya,

قُلْ لَا نُسْأَلُونَكَ عَمَّا أَجْرَمْنَا وَلَا نُسْأَلُ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٣٥﴾

Bermaksud : "(Oleh itu) katakanlah (wahyu Muhammad): "Kamu tidak akan bertanggungjawab tentang kesalahan yang kami lakukan, dan kami pula tidak akan bertanggungjawab tentang apa yang kamu kerjakan". (Surah Saba :24 -25)

5: Asas menepis tohmahan dengan cara yang terbaik daripada menepis dengan cara pertembungan, Firman AllahSWT:

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

Bermaksud : " Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib".

(Surah Fussilat:34)

**Sebab kelima:** Sesungguhnya Allah SWT telah membataskan kepada NabiNya dan umat Baginda pelaksanaan risalah istikhlaf dan ta'mir berserta dengan pelaksanaan ubudiah yang lengkap. Ini berlaku dengan Allah SWT mengarahkan mereka dengan melakukan pembacaan yang mendalam, Firman Allah SWT di dalam surah al a'laq yang bermaksud :

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Bermaksud : "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk),"



خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ٢

Bermaksud : "la menciptakan manusia dari sebuku darah beku;"

اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ٣

Bermaksud : "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)"

الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ٤

Bermaksud : "Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan"

عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَم ٥

Bermaksud : " la mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya"

Namun pembacaan ini tidak akan tercapai matlamatnya melainkan dengan lengkapnya syarat syarat iaitu terdapat perkara:

1. Pembacaan di bawah payungan Tuhan dengan nama Tuhan sehingga ilmu ini tidak melampau dan kesan-kesannya membawa kesan yang tidak baik. Sepertimana keadaan yang berlaku di barat di mana pembacaan hanya dengan nama fizikal dan keuntungan semata-mata.

2. Pembacaan mestilah berlaku dengan pembacaan yang di bawah payungan kemuliaan manusia, hak-hak dan kebebasannya. Bacalah dengan nama Tuhanmu yang mencipta kemuliaan bagi insan.

3. Hendaklah pembacaan sentiasa berlaku tidak terhenti.

Maka, kesimpulannya awal surah yang turun kepada Baginda Nabi SAW mementingkan pengislahan sistem pendidikan yang merupakan jalan yang betul untuk memakmurkan bumi ini. Ilmu merupakan kunci seperti yang wujud di dalam kisah Nabi Adam a.s bersama dengan Malaikat di mana Allah SWT memerintahkan para Malaikat sujud kepada Adam a.s. Perintah sujud itu berlaku setelah mereka gagal untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan. Lalu Adam a.s pun bangun mengajarkan mereka.

**Sebab keenam:** Sesungguhnya maqasid Syariah yang besar ditaklifkan ke atas insan untuk melaksanakannya sejak pada hari Allah SWT mencipta manusia lagi

untuk tujuan istikhlaf dan menjadi khalifah di muka bumi ini. Maqasid istikhlaf ini hanya akan tercapai dengan berpegang dengan Islam kerana yang dimaksudkan dengan istikhlaf adalah pengimarahkan bumi dan menegakkan hukum Allah dan syariatNya di muka bumi ini. Perkara ini tidak tercapai dengan gambaran yang menyeluruh kepada para Nabi yang lepas namun, ia tercapai di atas tangan Baginda SAW, kemudian ditangan para khalifah yang empat dan generasi selepas mereka.

Golongan Masihi membina agama mereka dengan konsep rabbaniah. Apabila pihak gereja masuk campur ke dalam pentadbiran dengan konsep kefahaman yang sempit terhadap dunia dan ilmu-ilmu sains. Mereka berpakat dengan pemerintah yang zalim lagi diktaktor yang mana memberi kesan kepada kemunduran Eropah di dalam dunia kegelapan dan memperhambakan rakyat yang membawa kepada pemberontakan Eropah secara menyeluruh sehingga revolusi Eropah mengangkat satu syiar "Tegakkan keadilan dengan syura". Golongan Yahudi pula membataskan diri mereka di dalam kitaran Bani Israil dan rakyat pilihan Allah SWT pada pandangan mereka.

**Sebab ketujuh:** Sesungguhnya Islam oleh kerana ia adalah agama untuk semua manusia, ia tidak membawa apa-apa ikutan-ikutan kaum tertentu, sebaliknya ia membawa cahaya dan prinsip-prinsip umum dan hukum-hukum yang bersesuaian dengan fitrah yang sejahtera. Tidak ada bagi golongan Muslim pakaian yang satu atau budaya-budaya yang satu. Sesungguhnya, bagi Islam itu adalah qaedah-qaedah, hukum hakam yang dilaksanakan oleh setiap rakyat dan bangsa mengikut kebudayaan-kebudayaan mereka. Ini kerana Islam menghala tuju ke arah pembinaan insan, keluarga untuk membentuk umat yang beribadah, mengimarahkan dan memberi manfaat.

**Sebab kelapan:** Islam bergerak menuju alam daripada asas dan dasar untuk membebaskan manusia daripada kegelapan penghambaan, kezaliman, penghinaan kepada kebebasan dan kemuliaan insan, firman Allah SWT :

❖ **وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ  
مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا** (v.)

Bermaksud : " Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik

serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”

(Surah al-Isra:70)

Bergerak daripada dasar toleransi dan rahmah sepertimana firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Bermaksud :*“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”* (Surah al-Anbiya:107)

Daripada dasar “ Tolaklah dengan cara yang terbaik, bergerak daripada memelihara kemulian insan. Dan Islam datang untuk membebaskan mereka daripada kegelapan kepada cahaya kemulian.

**Sebab kesembilan:** Islam bergantung ke atas manhaj dan penyusunan sistem yang mendalam sehingga perihal ibadat. Manhaj yang jelas di dalam politik dan interaksi. firman Allah SWT:

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا ۙ

Bermaksud : *“ Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing).*

(Surah al-Maidah ayat 48)

Manhaj ini adalah jalan yang menyampaikan kepada matlamat sepertimana mengikut definisi semasa iaitu ia adalah strategi secara berperingkat . Oleh yang demikian, semua perkara terdapat sistem sehingga solat, haji dan semua perkara yan terikat dengan maqasid dan pandangan Islam. Sepertimana manhaj ini terbina di atas konsep yang terbaik yang berterusan sepertimana Allah berfirman di dalam surah al-Mulk ayat 2 yang berbunyi:

لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۖ

Bermaksud : *“ Untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya;*

Yang dimaksudkan adalah Allah SWT menerangkan kepada umat ini bahawa ujianNya itu di antara umat-umat dengan konsep melakukan yang terbaik secara mutlak dan berterusan. Oleh yang demikian, Allah SWT memerintahkan supaya bercakap dengan percakapan yang terbaik, bertindak dengan tindakan yang terbaik,

mengikuti yang terbaik sehingga mereka menjadi juara pada semua perkara. Firman Allah SWT di dalam surah al-Mukminun ayat 61:

أُولَئِكَ يُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَهُمْ لَهَا سَابِقُونَ ﴿٦١﴾

Bermaksud : “ Mereka itulah orang -orang yang segera mengerjakan kebaikan, dan merekalah orang-orang yang mendahului pada mencapainya”

**Sebab kesepuluh:** Allah SWT menjadikan mizan-mizan bersama dengan kitab-kitabNya untuk menegakkan keadilan dan keseimbangan pada kefahaman, hukum, aktiviti dan seumpamanya. Firman Allah SWT di dalam surah al Hadid ayat 25:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢٥﴾

Bermaksud : “ Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul - rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan agama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa”.

Ini adalah mizan-mizan yang apabila dilaksanakan maka, terhasillah fikh yang seimbang , pandangan yang seimbang, amalan yang seimbang. Tidak akan kekal sebarang fenomena pencanggahan di antara nas-nas syarak. Di mana secara dimaklumi bahawa alam semesta ini berdiri di atas mizan-mizan yang mendalam. Setiap sesuatu terdapat mizan atau pengimbang. Mizan elektrik tidak sama dengan mizan air sepertimana ia juga tidak sama dengan mizan besi. Sesungguhnya apabila


sesuatu benda ditimbang dengan penimbang yang salah maka akan berlaku kecacatan.

Begitulah dengan Syariat, setiap kumpulan-kumpulan di dalam ayat-ayat ia mempunyai mizan yang khas. Oleh itu, saya telah dapati melalui kajian saya bahawa kecacatan yang berlaku pada semua jemaah, kumpulan yang lari daripada jalan yang lurus daripada golongan atheis dan musyrikin, kumpulan-kumpulan bida'ah di dalam kumpulan-kumpulan Islam adalah berpunca daripada kecacatan terhadap mizan-mizan bukannya kepada al Quran itu sendiri secara qat'ie. Sedangkan kumpulan-kumpulan ini mereka berhujjah dengan al Quran bermula daripada kumpulan khawarij sehinggalah muktazilah, Jabariah, Qadariah, kumpulan Batiniah sehingga kepada kumpulan al eaeda dan Daeish, Boko Haram dan sebagainya. Kesemuanya sesat daripada jalan yang lurus disebabkan terjebak ke dalam kecacatan di dalam mizan atau mawazin. Keadaan mereka sepertimana yang dinyatakan oleh Nabi SAW di mana Abu DarDa' dan dibenarkan oleh Ubadah bin Somit bahawa kami bersama dengan Rasulullah SAW maka Baginda SAW memerhatikan ke langit kemudian Baginda SAW bersabda " *Ini adalah tempoh yang mana dicabut ilmu daripada manusia sehingga mereka tidak mampu untuk lagi untuk melakukan sesuatu*" .

Berkata Ziyad bin Labid al-Ansari, bagaimana boleh dicabut ilmu sedangkan kami membaca al Quran. Demi Allah!, kami akan terus membaca al Quran dan akan bacakannya kepada wanita-wanita dan anak-anak kami. Maka, bersabda Baginda Nabi SAW " *Kasihannya kamu, sekiranya kamu aku akan anggap kamu sebahagian daripada fuqaha Madinah, Taurat dan Injil ini di sisi Yahudi dan Nasara sedikit tidak memberi kebaikan kepada mereka?."*

Hadis ini menunjukkan bahawa pentingnya ilmu yang dipercayai yang terbina di atas Fiqh Mizan yang mendalam untuk sampai kepada kefahaman yang sahih terhadap al Quran dan al Sunnah yang mulus.

Jadi natijahnya, mereka mempunyai al Quran, tetapi tidak beriltizam dengan mizan-mizan, hukum-hakam dan prinsip-prinsipnya. Bahkan, mereka membuang di antara satu sama lain seperti sabda Baginda Nabi SAW " *Sesungguhnya yang memusnahkan golongan sebelum kamu kalian, mereka membuang kitab Allah sebahagiannya, sesungguhnya diturunkan kitab Allah adalah untuk membenarkan di antara satu sama lain. Bukannya mendustakan di antara sama lain*".



Sesungguhnya Fiqh Mizan adalah penanda aras untuk memahami al Quran dan al Sunnah. Apabila dilaksanakan dengan mendalam maka, akan terangkat segala kecacatan dan perpecahan, sesungguhnya sirah Baginda Nabi SAW , para khulafa mereka berjalan di atas dasar mizan-mizan yang mendalam. Sebaliknya, mizan-mizan yang ada di sisi kumpulan-kumpulan tersebut yang menyimpang telah cacat. Oleh yang demikian, mereka telah sampai kepada kumuncak perpecahan dan kemunduran. Fiqh ini adalah pelengkap kepada usaha terdahulu daripada para ulama usul, para ulama maqasid.<sup>1</sup> Sebagai contoh, apabila Kumpulan Salafi al-Jihadi memulakan serangan bagi meruntuhkan struktur kaabah yang mulia itu secara zalim dan permusuhan melalui cara yang ganas dan yang seumpamanya telah ditetapkan sebagai satu prinsip timbangan. Itulah halangan yang berupa serangan yang bersifat melampau yang termaktub dalam kebanyakan ayat-ayat al-Quran. Mereka telah menjadikan tindakan tersebut sebagai tindakan yang dikehendaki oleh Islam secara sempurna yang dilakukan dalam kebanyakan keadaan. Pertimbangan atau tindakan mereka itu merupakan perbuatan yang fasik berdasarkan ayat-ayat al-Quran sebelum ini yang mengandungi elemen neraca peperangan serta mengelakkan dari membunuh individu tertentu, merosakkan rumah ibadat yang lain dan memelihara kemuliaan pihak yang tertentu. Terdapat ratusan dari ayat-ayat al-Quran mahupun hadis-hadis Nabi yang memerintahkan agar berlemah lembut, berkasih sayang serta berbuat baik dan memeberikan nasihat secara bijaksana. Malah, mereka hendaklah berlaku adil kepada golongan bukan Islam yang merupakan prinsip kedua dalam mizan peperangan. Adapun mizannya ialah mizan keselamatan, kehidupan dan dakwah ke jalan Allah. Hal ini merupakan prinsip asas yang memberatkan timbangan. Peperangan pula ialah pengecualian dan pertahanan semata-mata.

Dalam contoh yang lain, pendirian serta pandangan yang berdasarkan mizan yang salah ialah pandangan yang terdapat dalam aliran Muktazilah bahawa Allah tidak dapat dilihat pada hari Kiamat. Kata mereka: Rukyah itu memerlukan pancaindera mata seumpama sesuatu yang berjisim sedangkan Allah tidak berjisim dan tidak mempunyai bentuk yang tertentu. Oleh itu, Allah tidak dapat dilihat secara qat'iyy. Kesalahan yang berat ini telah merosakkan pelaksanaan mizan dunia terhadap mizan Akhirat. Manakala mizan Akhirat pula mempunyai timbangannya yang tersendiri

---

<sup>1</sup> Penerangan lanjut akan dijelaskan dalam ceramah.

berdasarkan dalil bahawa insan sekiranya ia mati terbakar semasa di dunia maka ia kekal di neraka Jahannam.

Demikianlah isu: Adakah manusia itu dipaksa dalam tindakan atau mempunyai pilihan? Menurut pandangan di sisi Jabariah, manusia itu dipaksa dan tidak diberi pilihan berdasarkan dalil dari surah al-Takwir ayat 29:

﴿ وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴾ ٢٩

Bermaksud: "Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatupun), kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam."

Begitu juga firman Allah dalam surah al-Anfaal ayat 17:

﴿ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ رَمَىٰ ﴾

Bermaksud: "Dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir)".

Maka, mereka telah mengambil separuh dari kebenaran sebagai mizan manakala Qadariah pula menyatakan bahawa insan itu diberi pilihan secara mutlak berdasarkan dalil dari surah al-Khaf ayat 29:

﴿ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُكْفُرْ ﴾

Bermaksud: "Maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya."

Begitu juga firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 256:

﴿ لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ﴾

Bermaksud: "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)."

Pandangan yang betul ialah kesemua ayat yang dijadikan sandaran oleh golongan Jabariah adalah berkenaan perkara akidah dan perkara beriman kepada qadar Allah. Tetapi Allah telah menetapkan ke atas diri-Nya bahawa seseorang itu tidak dihisab kecuali berdasarkan perbuatan yang nyata dari tindakan seseorang. Manakala ayat-ayat yang berikutnya membincangkan berkenaan pilihan yang telah diberikan kepada manusia iaitulah mizan tanggungjawab. Bahawa sunnatullah dan keadilan-Nya tidak sama sekali bertentangan. Oleh itu, bagi setiap ayat-ayat al-Quran serta hadis yang telah dinyatakan mempunyai mizan yang khusus.

### Harapan

Selama mana Islam berhias diri dengan sebab-sebab asas yang sepuluh yang menjadikan Islam tersebar dan dapat membina tamadun yang agung maka, Ia mampu secara pasti untuk kembali semula bagi membina tamadun yang agung. Bahkan, Ia mampu berkali-kali untuk membina tamadun Islam, tamadun kemanusiaan, tamadun akhlak yang mampu memberi kebahagiaan kepada manusia di dunia dan di akhirat. Tamadun yang mampu memberi keamanan dan ketenangan jiwa dan hati. Tamadun yang mampu mengembalikan 'izzah dan kemuliaan kepada umat ini serta kemampuannya untuk menjadi tamadun yang berkuasa demi merealisasikan firman Allah SWT di dalam surah Fussilat ayat 53:

سَرِيهِمْ ءَايَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

Bermaksud : " Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?"

dan surah al-Anbiya ayat 105:

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ الصَّالِحُونَ ﴿١٠٥﴾

Bermaksud : " Dan demi sesungguhnya, Kami telah tulis di dalam Kitab-kitab yang Kami turunkan sesudah ada tulisannya pada Lauh Mahfuz: "Bahawasanya bumi itu akan diwarisi oleh hamba-hambaKu yang soleh"



Namun, untuk merealisasikan perkara ini, ia berlaku apabila umat dapat melaksanakan beberapa syarat yang disebutkan pada surah al-Ra'du ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Bermaksud : "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri".

Syarat seperti berikut :

- 1: Perubahan dalaman yang merangkumi hati, ruh, nafsu dan akal.
- 2: Perubahan luaran yang merangkumi akhlak dan tindak tanduk.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Jumaah pada ayat 2:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ، وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Bermaksud : " Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang -orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata."

**Kedua:** Proses Islah yang lengkap, firman Allah SWT di dalam merakamkan ucapan Nabi Syuaib pada surah Hud ayat 88:

إِنْ أَرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ

Bermaksud : " Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku "

Islah ini merangkumi:

- a) Islah sistem Pendidikan dan pentarbiahan.
- b) Islam sistem politik
- c) Islam sistem keagamaan daripada aspek ijihad, tajdid dan bahaya penyampaian agama.
- d) Islam sistem ekonomi, masyarakat, pentadbiran kewangan dan pembangunan
- e) Islam sistem pengagihan zakat dan waqaf.

**Ketiga:** Beriltizam dengan manhaj iaitu beriltizam dengan strategi dan perancangan berjangka melalui pemantauan dan audit.

**Keempat:** Beriltizam dengan konsep sentiasa melakukan yang terbaik pada semua perkara, firman Allah SWT di dalam surah al Mulk ayat 2

**YBhg. Professor Dr. `Ali Muhyiddin Al Qarah Daghi.**  
Setiausaha Agung Kesatuan Ulama' Islam Sedunia **Qatar.**

## MAKLUMAT PERIBADI

Nama: Profesor Dr. 'Ali Muhyiddin Al-Qarah Daghi  
Kerjaya: Pensyarah Universiti  
Pangkat Keilmuan: Profesor  
Kewarganegaraan: Qatar



## KELAYAKAN ILMIAH

Ijazah Doktor Falsafah (PHD) dalam aliran Kontrak dan Muamalat berkaitan harta di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Al-Azhar pada tahun 1985 dengan pangkat Cemerlang dan Kepujian Kelas Pertama serta arahan penerbitan tesisnya oleh pihak universiti.

Ijazah Sarjana dalam aliran Fiqh Perbandingan di Kuliyyah Syariah dan Undang-Undang di Unversiti Al-Azhar Al-Syarif pada tahun 1980 dengan pangkat *Mumtaz* (Cemerlang).

Ijazah Sarjana Muda dalam aliran Syariah Islamiyyah di Baghdad pada tahun 1975 dengan pangkat *Mumtaz* (Cemerlang) dan tempat pertama dalam kalangan rakan seangkatannya.

Ijazah Ilmiyyah dalam ilmu-ilmu islam daripada para guru beliau pada tahun 1970.

Alumni Al-Maahad Al-Islamiyy pada tahun 1969 yang mendapat tempat pertama dalam negerinya.

## JAWATAN DAN PERANANNYA

Setiausaha Agung Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia.

Ketua Majlis Rundingan Tertinggi bagi Projek Pendekatan antara Mazhab menerusi *Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO)* di bawah kelolaan Pertubuhan Kerjasama Islam (IOC).

Timbalan Ketua Majlis Fatwa dan Kajian Eropah.

Profesor dan Ketua Bahagian Fiqh dan Usul Fiqh di Kuliyyah Syariah, Undang-Undang dan Pengajian Islam di Universiti Qatar.

Pengerusi Majlis Pemegang Amanah Universiti Pembangunan Manusia di Kurdistan, Iraq.

Pengerusi Kesatuan Islam Kurdistan.

Ketua atau anggota pelaksana bagi Institut Fatwa dan Kawal Selia Syariah bagi beberapa buah bank komersial Islam dan syarikat-syarikat takaful Islam di dalam Qatar seperti Takaful Islam Qatar serta di luar Qatar seperti Bank Islam Dubai, Bank Pelaburan di Bahrain dan Pelaburan al-Ula di Kuwait.

# Sila Scan QR CODE Berikut Untuk Muat Turun:



Buku Aturcara Majlis.  
Disediakan Oleh: Jabatan Mufti Negeri Perak.

Implementation Concept Paper Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.  
Disediakan Oleh: Jabatan Mufti Negeri Perak.



Pembentangan Kertas Kerja Utama: "Menjulung Kemuliaan Umat:  
Sejarah, Wawasan dan Harapan" (Versi Bahasa Arab).

Disediakan Oleh: YBhg. Profesor Dr. 'Ali Muhyiddin Al-Qarah Daghi.

Pembentangan Kertas Kerja Utama: "Menjulung Kemuliaan Umat:  
Sejarah, Wawasan dan Harapan" (Versi Bahasa Melayu).

Disediakan Oleh: YBhg. Profesor Dr. 'Ali Muhyiddin Al-Qarah Daghi.  
Setiausaha Kesatuan Ulama' Sedunia, Qatar.  
Diterjemahkan oleh: Ahmad Fauwaz bin Haji Fadzil.



Pembentangan Kertas Kerja 2: "Sejarah Islam di Malaysia:  
Ke Arah Kegemilangan Mendatang".

Disediakan Oleh: YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Zainal bin Kling.  
Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA.

Pembentangan Kertas Kerja 3: "Sosioekonomi dan Kebangkitan Ummah  
Ke Arah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030".

Disediakan Oleh: YBhg. Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar.  
Presiden, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



Pembentangan Kertas Kerja 4: "Ulama dan Umara Peneraju Gelombang  
Politik dalam Membentuk Khaira Ummah".

Disediakan Oleh: S.S. Dato' Dr. Hj. Zulkifli bin Muda.  
Mufti Negeri Terengganu.

Pembentangan Kertas Kerja 5: "Islam dan Perundangan ke Arah  
Wawasan Bersama 2030".

Disediakan Oleh: YBhg. Dato' Zainul Rijal bin Abu Bakar.  
Peguambela & Peguamcara

